

# Webinar STEM dapat sambutan

**BINTULU:** Seramai 30 guru Tabika Perpaduan Bahagian Bintulu menyertai Webinar Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) anjuran Jabatan Sains dan Teknologi (JSTek), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, webinar yang memfokuskan pengenalan STEM dalam pendidikan awal kanak-kanak itu diadakan dengan kerjasama Kelab Malaysian Society of Agricultural and Food Engineers - Student Chapter (MSAE-SC) UPM Bintulu.

"Penganjuran webinar ini adalah bertujuan untuk berkongsi ilmu pengetahuan kepada guru mengenai strategi yang efektif dalam memperkenalkan konsep STEM kepada murid tabika.

"Panel-panel penceramah

untuk program ini adalah Pensyarah Kanan JSTek, Dr. Ellie Teo Yi Lih, Pengarah Program, STEM Academy & MTTTC College, Mas Amelia Mas Abdul Rahman, dan Pengarah Pusat STEM UM, Ir. Dr. Mas Sahidayana," katanya.

Tambah kenyataan itu, antara aspek penting yang dibincangkan adalah peranan ibu bapa dalam menyokong pendidikan STEM.

"Panel penceramah mencajangkan cara untuk melibatkan ibu bapa dan menggalakkan mereka meneroka aktiviti STEM di rumah untuk menguatkan apa yang dipelajari anak-anak di sekolah dan menjadikan STEM sebagai pembelajaran berterusan.

"Panel penceramah juga menekankan bahawa pentingnya untuk memperkenalkan STEM pada usia muda bagi membantu meningkatkan rasa ingin tahu, pemikiran kritis, dan kemahiran



**BERMANFAAT...** Sesi webinar STEM yang dianjurkan khas bagi para guru Tabika Perpaduan Bahagian Bintulu.

menyelesaikan masalah," ujarnya.

Menurut Ir. Dr Mas Sahidayana dalam kenyataan itu, anak-anak belajar untuk bertanya soalan, bereksperimen, dan berfikir secara kreatif apabila mereka

terlibat dalam aktiviti STEM yang praktikal.

Sementara itu, salah seorang peserta iaitu Guru Tabika Perpaduan Sungai Plan, Daymirza Mohri berkata, beliau berasa lebih yakin untuk mengintegrasikan

STEM ke dalam bilik darjah selepas mendengar perkongsian menerusi webinar berkenaan.

"Idea-idea yang dikongsi hari ini bukan sahaja memberi inspirasi tetapi juga sangat mudah dilakukan," jelasnya.